

MAHKAMAH BATAL SAMAN

Kuala Lumpur: Mahkamah tinggi Kuala Lumpur semalam, membenarkan permohonan empat daripada Sembilan defendan membatalkan saman failkan lima ahli keluarga salah seorang penumpang pesawat MH370 yang hilang sejak 8 Mac 2014.

Pesuruanjaya Kehakiman, Azizul Azmi Adnan membatalkan saman terhadap Jabatan Penerbangan Awam(DCA), Jabatan Imigresen Malaysia, berkas Panglima Tentera Udara Diraja Malaysia(TUDM), Jeneral Tan Sri Rodzali Daud dan Tentera Udara Diraja Malaysia(TUDM).

Peguam Kanan Persekutuan, Alice Loke yang mewakili semua defendan berkata, mahkamah memutuskan tiada klausa dan tindakan munasabah bagi plaintif memfailkan tindakan saman terhadap keempat-empat defendan itu.

Bagaimanapun, permohonan Malaysia Airlines System Berhad (MAS): Malaysia Airlines Berhad (MAB) Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA), Datuk Seri Azharuddin Abdul Rahman dan DCA, Ketua Pengarah Jabatan Imigresen, Datuk Aloyah Mamat, dan Kerajaan Malaysia untuk membatalkan saman itu ditolak.

Saman itu difailkan lima sekeluarga iaitu bala S Puspanathan, 33, K Sri Devi, 32, dan dua anak lelaki mereka berusia 2 dan 4 tahun serta ibu bapa mangsa, G Subramanian dan iterib, A Amirathan, masing-masing berusia 62 tahun.

Sementara itu, dalam saman difailkan pada 25 Februari lalu, semua plaintif mendakwa MAS gagal memastikan si mati tiba ke Beijing, China, seperti dijadualkan dan gagal mengenal pasti lokasi MH370 dengan tepat dan betul.

Mereka juga mendakwa, Mas gagal memaklumkan berita terkini mengenai kehilangan pesawat itu kepada waris dan hanya mengetahui mengenainya melalui media.

Plaintif Azharuddin gagal menyediakan aturan yang selamat, cekap dan teratur bagi perkhidmatan kawalan trafik udara, perkhidmatan penerbangan serta amaran dan gagal mengesan serta mencari tentera sejurus ia tidak dapat dihubungi.

Sehubungan itu, plaintif menuntut ganti rugi berjumlah RM32 juta atas kehilangan sokongan, kehilangan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) si mati yang sebelum ini bekerja pakar urus tadbir yang memperolehi gaji RM14,460 sebulan dan kehilangan faedah perubatan kepada keluarga.

Mereka juga menuntut ganti rugi teruk, ganti rugi teladan, kos dan relif lain difikirkan sesuai oleh mahkamah.
